

Estetika Motif dan Corak Tenunan Pua Kumbu Orang Iban di Sarawak

ABSTRACT

Masyarakat orang Iban melihat kain pua kumbu 1 amat suci dan mempunyai kuasa luar biasa dan ianya merujuk kepada dua perkara utama iaitu supaya kejayaan mendapatkan kepala musuh berkembang dan memupuk serta mengekalkan semangat padi sehingga ke hujung musim (Noria, 2014:209; Micheal, 1994:129). Pua kumbu penting kerana kegunaannya yang pelbagai dalam kehidupan tradisional masyarakat Iban seperti upacara istiadat berkaitan kelahiran, perkahwinan, kematian, penyembuhan, dan upacara ritual dalam penanaman padi (Lucas, 1980:58). Banyak upacara ritual menggunakan pua kumbu yang mempunyai corak dikatakan berkuasa seperti semasa perayaan gawai, sebagai perhiasan rumah, dijadikan alas untuk meletakkan piring 2 , membalut tiang patung burung kenyalang dan melihat hati babi (Benedict, 49-50; Traude, 1996:24-5). Wanita Iban mengatakan bahawa menghasilkan tenunan kain pua kumbu adalah kayau indu 3 terhadap keseluruhan proses terutama dalam menghasilkan corak yang dikatakan berkuasa. Memahami corak yang dihasilkan adalah sangat penting dan merupakan satu pencapaian kepada pembuatnya. Ciri-ciri elemen dan komposisi yang terdapat padanya tidak dapat disimpulkan secara fizikal oleh seseorang yang tidak berkemahiran (Traude, 1996:11-2). Adalah sangat sukar untuk mentafsir maksud sesuatu corak yang digunakan dan ianya memerlukan penenun yang berpengalaman serta masyarakat Iban itu sendiri (Robyn, 2003:127). Penenun yang boleh mencipta motif dan corak merupakan penenun yang dikurniakan bakat semula jadi (Benedict, 1980:84; Noria, 2014:95-6).